

ANALISIS PENYENARAIAAN HAIWAN MENERUSI KITAB MATLA' AL-BADRAIN OLEH SYEIKH MUHAMMAD BIN ISMAIL DAUD AL-FATHANI MENURUT PERSPEKTIF HALAL DAN ZOOLOGI

Analysis Of The Listing of Animals Through The Book Of Matla' Al-Badrain By Sheikh Muhammad Bin Ismail Daud Al-Fathani According To Halal And Zoological Perspectives

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh^{1a*}, Mohd Anuar Mamat^{2b}, Mustafa 'Afifi Ab. Halim^{3c},
Mohammad Najib Jaffar^{4d} dan Nurdeng Deuraseh^{5e}

^aInstitut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA,

Emel: mahyeddin@usim.edu.my¹

^bFakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: anuarmamat@usim.edu.my²

^cFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: afifi@usim.edu.my³

^dFakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: najib@usim.edu.my⁴

^eHalalan Thayyiban Research Centre of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),
Negara Brunei Darussalam.

Emel: nurdeng.deuraseh@unissa.edu.bn⁵

*Corresponding Author: mahyeddin@usim.edu.my

Received: 15 September 2023

Accepted: 14 November 2023

Published: 15 January 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no1.564>

| Abstrak | Abstract |
|--|--|
| <p>Salah satu sumber rujukan untuk mengetahui status halal haram haiwan adalah kitab Matla' al-Badrain yang ditulis oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani. Karya ini mengandungi pengelasan haiwan halal dan haram mengikut spesies hidupan yang biasa ditemui di tanah Melayu dan tanah Arab. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa nama haiwan yang kurang jelas maksudnya serta memerlukan kepada kajian terperinci. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti nama-nama haiwan, menganalisis kaedah pengelasan haiwan halal haram yang terdapat dalam karya</p> | <p>One of the reference sources for determining the halal (permissible) and haram (forbidden) status of animals is the book "Matla' al-Badrain" compiled by Sheikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani. This work contains classifications of halal and haram animals according to categories of common fauna found in the Malay Peninsula and the Arabian Peninsula. However, there are still some vague names regarding animals that require in-depth research. The objective of this study is to identify the names of these animals, analyze the methods of categorizing halal and haram animals found in the work of Matla' al-Badrain, and correlate them with</p> |

| | |
|--|--|
| <p>Matla' al-Badrain, dan menghubungkaitkan dengan penamaan zoologi yang bersesuaian. Metodologi kajian berbentuk kualitatif menerusi kaedah kutipan data secara analisis tekstual terhadap nama-nama spesies haiwan yang dinyatakan dalam karya tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat tiga bentuk pengelasan haiwan di dalam Matla' al-Badrain iaitu haiwan laut, hidupan darat dan haiwan kacukan antara haiwan yang halal dan haram dimakan. Jumlah keseluruhan jenis haiwan yang disebutkan adalah sebanyak 80 spesies. Terdapat tiga bentuk penerangan spesies haiwan yang digunakan iaitu; 1) nama haiwan jelas maksudnya dalam Bahasa Melayu, 2) nama haiwan dalam Bahasa Arab yang disertai penterjemahan, 3) nama haiwan dalam Bahasa Arab yang tiada penterjemahan. Impak kajian ini ialah memberikan panduan kepada masyarakat untuk mengenalpasti nama spesies haiwan dengan lebih jelas menerusi penyesuaian dengan istilah moden.</p> <p>Kata kunci: haiwan, halal haram, Matla' al-Badrain, Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani</p> | <p>relevant zoological nomenclature. The research methodology takes a qualitative approach through textual analysis of the animal terms mentioned in the book. The study found that there are three categorizations of animals in Matla' al-Badrain: marine life, terrestrial life, and hybrid animals that are a mix of halal and haram species for consumption. A total of 80 animal species are mentioned. Three forms of explanations for these animal terms are used: 1) terms with clear meanings in Malay, 2) Arabic terms with translations, and 3) Arabic terms without translations. The impact of this study is to guide the public in identifying the names of animal species more clearly through adaptation to modern terminology.</p> <p>Keywords: animal, halal (permissible), haram (forbidden), Matla' al-Badrain, Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani</p> |
|--|--|

1. PENDAHULUAN

Karya-karya ulama alam Melayu adalah karya intelektual Melayu yang dihasilkan oleh sarjana Melayu-Islam dalam pelbagai topik dan perbincangan hukum Islam yang merangkumi ibadah, muamalah, munakahat dan lain-lain. Karya ulama Melayu ini memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu pada awal perkembangan Islam di alam Melayu (Malik, Abdul Hamid & Abdul Rahim, 2020). Penulisan kitab ulama Melayu bermula agak lewat iaitu pada abad ke 17 Masihi setelah lahirnya kitab Al-Sirat al-Mustaqim karangan Sheikh Nuruddin al-Raniri (Jamalluddin Hashim, 2014).

Perkembangan penulisan fiqah alam Melayu boleh dibahagikan kepada beberapa tempat utama. Penulisan karya ulama Melayu ini mula tersebar dan berkembang sehingga memberi impak besar dan kefahaman kepada masyarakat tentang ilmu sosiologi dan hukum Islam. Terdapat beberapa

tempat yang dikenali dan ketahui oleh pengkaji tentang perkembangan penulisan ulama Melayu khususnya dalam bidang fiqah. Antaranya di Aceh, Tanah Melayu dan Patani. Aceh memainkan peranan utama di dalam perkembangan dan penyebaran ajaran Islam. Penulisan fiqah Melayu terhasil pada peringkat awal di Aceh sehingga perkembangan dan penghasilan karya fiqah Melayu sampai kepada kemuncaknya pada abad ke-19. Patani juga adalah antara lokasi utama dalam perkembangan penulisan karya-karya ini. Terdapat banyak karya fiqah Melayu yang ditulis oleh ulama-ulama Patani. Ini kerana demografi formasi dan kemampuan ulama Patani menulis karya-karya yang bermutu tinggi telah diperakui oleh sarjana dan cendekiawan Melayu Islam (Malik, Abdul Hamid & Abdul Rahim, 2018).

Van Bruinessen (1990) telah menyenaraikan sebanyak 900 judul kitab Melayu klasik yang telah dikumpulkan olehnya. Ia merangkumi 20% bidang fiqah dan selebihnya adalah karya-karya Melayu bertulisan Jawi yang merangkumi berbagai disiplin ilmu. Kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* yang dikarang pada tahun 1886 oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani merupakan salah satu karya-karya penulisan ulama alam Melayu yang banyak membahaskan tentang perbincangan fiqh seperti fasal berkaitan ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat. Hal ini termasuklah perkara yang berkaitan dengan perihal haiwan yang halal dan haram dimakan. Fasal yang membicarakan tentang perihal "الأطعمة" atau makanan di dalam kitab ini banyak menceritakan tentang makanan yang halal dan haram daripada jenis serta kategori haiwan-haiwan darat, laut mahupun dua alam (darat dan laut) (Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani, 1984)

Perbincangan mengenai spesies haiwan halal dan haram di dalam karya fiqh Melayu melalui *Kitab Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* merupakan satu perbincangan yang signifikan dalam menganalisis perkembangan ilmu berkaitan bab halal dan haram dalam dunia kontemporari kini. Masih terdapat banyak ruang yang boleh dikaji kerana kebanyakan karya ilmiah bertulis yang dihasilkan oleh ulama Melayu-Islam dalam pelbagai bidang disiplin ilmu seperti ilmu fiqh mempunyai kaitan dengan hal-hal kemasyarakatan. Maka, pengelasan haiwan halal dan haram dimakan melalui kitab ini dapat menghasilkan satu input baru bagi mengenal pasti nama-nama haiwan yang klasik kepada nama moden yang difahami oleh masyarakat masa kini.

Perbincangan berkenaan perkara tersebut amat menarik serta dapat memberi manfaat kepada masyarakat untuk dijadikan panduan dalam kehidupan. Tambahan pula, haiwan yang berada dalam kategori halal mampu diteroka untuk menjadi sumber makanan alternatif bagi memastikan keterjaminan makanan negara. Haiwan halal adalah haiwan yang memiliki ciri *tayyibat* iaitu

yang baik dan tidak memudaratkan jika dimakan, serta boleh menjadi sumber protein baharu bagi menampung kekurangan sumber protein sedia ada.

Para ulama atau pengkaji kontemporari kini juga dapat menjadikan kitab ini sebagai rujukan dan panduan dalam bab haiwan halal dan haram serta dapat menyesuaikan istilah-istilah haiwan klasik kepada istilah haiwan moden mengikut terma-terma zoologi. Satu kamus glosari berkenaan dengan haiwan yang haram dan halal dimakan juga boleh diwujudkan melalui data yang diperolehi apabila nama-nama haiwan halal haram dapat dikenal pasti secara lengkap. Hal ini amat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat khususnya umat Islam.

1.1 Pengenalan Kitab *Matla' al-Badrain*

Kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* ditulis oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani. Beliau merupakan anak kelahiran Pulau Duyung Kecil, Kuala Terengganu dan merupakan asal keturunan Melayu Patani. Ibu bapanya telah berhijrah ke Terengganu selepas pencerobohan Siam dan beliau lahir daripada keluarga besar ulama Patani (Mohd Puaad et. al, 2019).

Kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* (1886) merupakan sebuah karya yang terkenal di Nusantara. Hal ini kerana ia sebuah kitab fiqah yang telah memberi khidmat kepada masyarakat di alam Melayu lebih daripada 120 tahun sama ada di masjid-masjid mahupun di pusat-pusat pengajian pondok di Selatan Thailand, Malaysia, Singapura dan Kemboja sejak kurun ke-19 lagi. Tambahan pula, tokoh-tokoh ulama Nusantara telah mengambil inisiatif untuk mentashih kitab ini seperti Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Sheikh Ahmad al-Fatani, Sheikh Daud bin Ismail al-Fatani, Sheikh Abdullah al-Qadhi dan Haji Ilyas Yaakub al-Azhari (Samsudin, Yahaya & Ab Rahman, 2010). Kitab ini telah selesai ditulis pada 12 Syaaban 1303H/1885M.

Syeikh Muhammad bin Ismail menceritakan bahawa sejarah penulisannya dicituskan oleh bapa beliau. Beliau berkata pada mukadimah kitab:

“Bahawasanya tatkala menuntut daripada aku oleh walidku bahawa aku himpulkan kepada yang demikian itu setengah barang yang tak dapat tiada daripadanya beberapa bab ilmu fikah yang diterjemah dengan bahasa kami supaya menghampirkan fahamnya atas segala dhihn mengikut aku akan suruhannya kerana mengharapkan mendatangi dengan setengah daripada kebajikan”.

Teks di atas jelas menunjukkan bahawa cetusan awal penghasilan kitab ini adalah gesaan ayahanda beliau supaya memenuhi tuntutan fardu kifayah menyebarkan ilmu fiqh melalui penulisan yang boleh difahami oleh orang-orang Melayu.

Menurut Habib Ahmad (2009), kitab ini pernah dijadikan teks pengajian ilmu fiqh sekolah-sekolah agama di negeri Johor. Oleh kerana kitab ini terlalu banyak digunakan, maka kerajaan Johor menganjurkan penyusunan sebuah kamus yang khusus mengenai kitab ini. Maka tersusunlah sebuah kamus dengan judul *Suluh Mathla'ul Badrain* oleh Haji Abdul Ghani Yahya, antara murid kepada Tok Kenali. Ia di tulis di Johor Baharu pada 1 Oktober 1941M. Kamus ini merupakan khusus terjemahan kosa kata Arab ke dalam bahasa Melayu, dan ia dapat membantu pelajar dalam memahami perkataan-perkataan atau istilah-istilah yang terdapat di dalam kitab *Matla' al-Badrain*. Hanya kitab *Matla' al-Badrain* yang ditulis kamus daripada kitab-kitab Melayu/Jawi yang ada.

Menurut Samsudin et al (2010), karya ini telah menarik minat ramai pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam melibatkan aspek penterjemahan istilah Arab dalam kitab tersebut ke bahasa Melayu. Selain itu, penjelasan perkataan yang samar maksudnya, gaya bahasa yang sukar, meletakkan baris terhadap ayat Quran dan hadith serta menjelaskan maksudnya. Terdapat juga pengkaji yang melihat aspek pentahkikan tulisan jawi mengikut kaedah penulisan jawi yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain itu, terdapat kajian yang menganalisis sumbangan kitab ini dalam lapangan muamalat, yang merumuskan bahawa Kitab *Matla' al-Badrain* boleh dianggap antara kitab jawi terlengkap dalam aspek muamalat yang menjadi rujukan bagi pelajar agama di kebanyakan negara di Asia Tenggara (Mohammad Fadhli, 2012).

1.2 Kaedah Penyusunan Kitab

Kitab ini diklasifikasikan sebagai sebuah kitab fikah walaupun pengarangnya bermula dengan menyentuh tajuk kelebihan menuntut ilmu pengetahuan dan diikuti dengan huraian dalam bab akidah sebelum perbincangan yang menyeluruh dalam bab fikah. Ini kerana kedua-dua tajuk ini di bincang secara ringkas sahaja dan ia mengambil ruang sebanyak 11 halaman sahaja. Manakala tajuk-tajuk fikah mendominasi keseluruhan kitab ini bermula dari halaman 13 hingga halaman 225. Pengarang kitab ini telah menyusun topik-topik yang terkandung di dalamnya mengikut empat ruang lingkup yang utama dalam bidang fikah iaitu ibadat, muamalat, munakahat

dan jenayah. Kesemua topik ini pula disusun dengan penuh teliti oleh pengarangnya melalui kaedah yang tersendiri.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis tekstual. Pendekatan kualitatif ini juga tidak bertujuan untuk membuktikan hipotesis dan teori tetapi melibatkan proses induktif yang menyebabkan reka bentuk kajian berkembang semasa penyelidikan dijalankan. Malah pendekatan kualitatif ini juga tidak bertujuan untuk membuat generalisasi tetapi untuk mendapatkan makna dan pemahaman yang mendalam tentang fenomena dikaji. Pendekatan kualitatif adalah lebih holistik di peringkat awal kajian (kutipan data) dan di penghujung kajian (analisis data) (Merriam, 2009).

Dalam kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode analisis tekstual. Ia adalah salah satu teknik bagi mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji mengguna metode analisis tekstual kerana ia merupakan pendekatan yang penting bagi pengkaji untuk metode penulisan ulama alam Melayu. Metode analisis tekstual bererti satu cara untuk pengambilan data-data yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Pengkaji mengumpul data daripada sumber primer dan sekunder yang melibatkan rujukan terhadap Quran dan hadith, karya-karya ulama alam Melayu, dan artikel terkini.

Bagi artikel ini, kajian ditumpukan kepada kitab *Matla' al-Badrain*. Nama-nama spesis haiwan disenaraikan secara tematik, mengikut kategori haiwan. Ejaan ke dalam tulisan jawi telah disemak oleh pakar ilmuan pondok, bagi memastikan ketepatan sebutan. Semakan silang turut dibuat berdasarkan kitab edisi terjemahan ke tulisan rumi. Selain itu, pengkaji turut merujuk pada pangkalan data ilmiah atas talian yang disediakan oleh perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia.

Carian terhadap nama saintifik dan gambarajah binatang dibuat menerusi enjin carian *Google.com*, *Animal Diversity Website* dan *Wikipedia.com*, mengikut istilah asal yang terdapat dalam kitab *Matla' al-Badrain*. Seterusnya dibuat pengesahan dengan merujuk kepada pakar ilmuan pondok dan sains haiwan.

3. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap isi kandungan kitab, hasil kajian dibentangkan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Spesis Haiwan Dalam Kitab Matla' al-Badarain

| Kategori | Contoh Haiwan | | Status Halal/Haram | Sebab Halal/Haram | Halaman |
|----------------|---------------|---------------|--------------------|---|---------|
| | Jawi | Rumi | | | |
| Binatang Laut | انجيج لأوة | Anjing laut | Halal | Binatang laut yang tiada hidup di dalam melainkan aisy mazbuh jua, lagi tiada padanya racun halal dimakan | 87 |
| | بابي لأوة | Babi laut | | | |
| | كتم باتو | Ketam Batu | Haram | 1. Hidup pada dua negeri (laut dan darat) 2. Bakatah-ditegahkan daripada membunuh akan dia | 87 |
| | بكاتاه | Bakatah | | | |
| | اولر اير | Ular Air | | | |
| | بواي | Buaya | | | |
| | بارغ 2 | Barang-barang | | | |
| | فيو | Penyu | | | |
| | بونتل | Buntal | | - Binatang yang mempunyai racun - Keji dan mudarat | |
| | سلحفه | Sulahfah | | Ditanggungkan dia atas barang yang bukan ia yang di dalam laut | |
| | اولر | Ular | | | |
| | نسناس | Nisnas | | | |
| | | | | | |
| Binatang Darat | اونتا | Unta | Halal | Sah hadis dengan bahawasanya ia perburuan yang dimakan | |
| | لمبو | Lembu | | | |
| | كربو | Kerbau | | | |
| | كمبيغ بتول | Kambing Betul | | | |
| | كمبيغ كيبش | Kambing Kibas | | | |
| | كودا | Kuda | | | |
| | روسا | Rusa | | | |
| | سلادغ | Seladang | | | |
| | كيجغ | Kijang | | | |
| ضبع | Dubuk | | | | |

| | | | | | |
|--|---|------------------------|--|--|----|
| | | | | Taringnya daif tiada berkuat ia dengan dia | |
| | ضبب (haiwan yang makruf di tanah Arab seperti kelakuan biawak bagi jantannya dua zakar dan bagi yang betinanya dua faraj) | Dhab | | | 88 |
| | ارنب (Binatang yang makruf pendek dua tangannya dan panjang dua kakinya) | Arnab | | | |
| | فلندوق | Pelanduk | | | |
| | يربوع (Binatang pendek dua telinganya, Panjang dua kakinya, warnanya seperti warna kijang) | Yarbuk | | | 88 |
| | قنفذ/لندوق كچيل | Qunfuz/Landak Kecil | | | |
| | دلدل/لندوق بسر | Duldul/Landak Besar | | | |
| | وبر Binatang kecil daripada kucing warnanya | Wabar | | | |

| | | | | | |
|--|--|------------|--|--|----|
| | seperti warna limpa sangat pendek ekornya | | | | |
| | ابن عرس (Satu bagai daripada tikus berhampir rupanya dengan tupai, bersangatan busuk baunya, banyak ia pada tepi-tepi masjid Azhar di Mesir, mengalah ia akan kucing) | Ibn Irsin | | | 88 |
| | أم جبين (Binatang yang menyerupai dengan dhab) | Ummu Jabin | | | |
| | سمور (Binatang yang menyerupai dengan سنور) | Sammur | | Sammur dan sinjab: kedua2nya itu dua bahagi daripada ثعالب الترك | |
| | سنجاب (Kulitnya dibuat baju) | Sinjab | | | 88 |
| | سنور | Sinnaur | | | |
| | فناك (Binatang kulitnya dibuat baju kawas halusny) | Fanak | | | |

| | | | | | |
|--|--|---|-------|--|----|
| | dan lembutnya) | | | | |
| | قائم (haiwan yang menyerupai dengan سنجاب kulitnya dibuat baju) | Qaqum | | | |
| | نعامه (بوروغ كسوارى) | Ni'amah (Burung Kaswari) | | | |
| | حواصل (بوروغ جوم دان اغسا دان ايتيق دان ايم دان بليبيس) | Hawasil (Burung Jum dan Angsa dan Itik dan Ayam dan Belibis) | | | 88 |
| | سكلين بوروغ اير | Sekalian burung Air | Halal | Segala burung yang berjinak-jinak dengan air pada ghalibnya dan tiada tenggelam ia padanya | |
| | بوروغ لقلق (القلق) (Burung yang kadar besar angsa panjang lehernya makan ia akan ular) | Burung Laqlaq | Haram | | |
| | كأكه فادي (أداله اي 2 بهاكي- زاع دان الغداف الصغير) | Gagah Padi (adalah ia dua bahagi- za' dan al-ghudaf al-saghir) | | Makan ia perhumaan | |
| | زاع (iaitu yang hitam lagi kecil, terkadang merah paruhnya) | Za' | Halal | Nota: (Ghudaf saghir: Pada zan penulis ia adalah burung تـو (tawu)-yg muktamad haram atas hal orang Melayu | 89 |

| | | | | | |
|--|---|---|-------|---|----|
| | dan kakinya) الغداف الصغير (iaitu yang hitam atau kelabu warnanya) | Al-ghudaf as-saghir | | tidak memakannya pada negeri sekalian mereka itu-dikhabarkan burung tawu menyambarkan anak ayam | |
| | أبقع (بغداد فدان) فوتيه دان هيتم) | Abqa' (yang ada padanya putih dan hitam) | Haram | | 89 |
| | عقق (دوا بهائي ساتون) فوتيه دان ساتو هينم فننجع ايكورن فنديق سايفن بوپيش (عقق) | Aq' aq (2 bahagi- satunya putih dan satu hitam, panjang ekornya pendek sayapnya, bunyinya aq' aq) | | | |
| | الغداف الكبير (كأق بوكية) | Al-Ghudaf al-kabir (Gagak Bukit- gagak hitam yang banyak terdapat pada tanah Melayu) | Haram | | |
| | حمام (*dan jenis2nya) | Hamam (Segala burung yang minum air dengan tiada bernafas dan menghisap). Seperti; | Halal | | |
| | مرفاتي | Merpati | | | |

| | | | | |
|--|---|--|---|---|
| | تکوکور کتیئیران قطا حجل | Tekukur Ketitiran Qata Hajal | Halal | |
| | Burung atas rupa چبوق ciawak dan jika berlain-lain warnanya dan bahagiannya sekalipun; seperti | | Halal | |
| | عندليب (يايت هزار صعوه يايت چبوق كفالاميره زرزور باكي درفد چيلا) | Andalib (iaitu Hizar Sa'wah iaitu Ciawak kepala merah Zarzur, bagai daripada Cila) | | |
| | بوروغ مرابه | Burung Merbah | | |
| | بلبل | Bulbul | Haram | Tiap-tiap binatang yang mempunyai taring yang berkuat ia dengan dia |
| | حمار أهلي | Himar Ahli | | |
| | هريمو | Harimau | | |
| | برواغ | Beruang | | |
| | كأجه | Gajah | | |
| | سيغا | Singa | | |
| | كرا | Kera | | |
| | كوچيغ | Kucing | | |
| | سيواه | Sewah | | |
| | هلغ | Helang | | |
| | كاكاتوا | Kakak Tua | | |
| | رخمه | Rakhamah | | |
| | بغاتة (Burung putih kecil sedikit daripada رخمه lambat terbangnya) | Baghatah | | |
| | | | Keji makanan keduanya iaitu makan bangkai | |

| | | | | |
|----------|---|--|-----------------------------------|--|
| | بوروغ مرق | Burung merak | Haram | Keji daging sekaliannya |
| | نوري | Nuri | | |
| | لاله دان سكل بناتغ يغ ملات فد بومي | Lalat dan segala binatang yang melata pada bumi | | |
| | اولر | Ular | Haram | - Haiwan yang Sunat dibunuhkan dia. - Binatang yang buas dan menerkam |
| | كالا | Kala | | |
| | بوروغ هلغ | Burung Helang | | |
| | تيكوس | Tikus | | |
| | خطاف | Khattaf | Haram | Binatang yang ditegahkan daripada membunuhnya |
| | ليه | Lebah | | |
| سموت بسر | Semut Besar | | | |
| | يغ دفراتفكندي انتارا انجيج دان كمبيغ | Yang diperanakkan dia antara anjing dan kambing | Haram | Binatang yang diperanakkan dia daripada binatang yang dimakan dan yang tiada dimakan (Dighalibkan tahrимnya) |
| | يغ دفراتفكندي انتارا كودا دان حمار أهلي | Yang Diperanakkan dia antara kuda dan himar ahli | | |
| | زرافة | Zirafah (Binatang yang sangat panjang dua tangannya dan pendek dua kakinya) | Haram (Qaul Asah – yang sohih) | Dikatakan bahawasanya diperanakkan dia antara tujuh binatang |

4. PERBINCANGAN

Secara keseluruhan didapati bahawa terdapat tiga bentuk pengelasan haiwan di dalam *Matla' al-Badrain* iaitu hidupan laut, hidupan darat dan haiwan kacukan antara haiwan yang halal dan haram dimakan. Jumlah keseluruhan istilah haiwan yang disebutkan adalah sebanyak 80 spesis dan diringkaskan seperti Jadual 2. Justifikasi pengelasan haiwan mengikut halal haram juga turut dinyatakan bagi memberi kefahaman kepada pembaca.






Jadual 2: Jumlah Haiwan Halal Haram Mengikut Kategori


| Perkara | Halal | Haram |
|---|-----------|-------|
| Bilangan Spesis Binatang Laut | 2 | 10 |
| Bilangan Spesis Binatang Darat dan Serangga | 24 | 15 |
| Bilangan Spesis Binatang Terbang | 16 | 13 |
| <i>Jumlah</i> | 42 | 38 |
| Keseluruhan | 80 spesis | |







Bagi kategori pertama iaitu haiwan laut terdapat sekitar 12 spesis. Terdapat 2 spesis halal dan 10 spesis haiwan haram dimakan. Berdasarkan justifikasi pengharaman yang dinyatakan, dapat dilihat bahawa kebanyakan haiwan laut yang diharamkan adalah disebabkan tergolong sebagai haiwan dua alam (hidup di laut dan darat), beracun, keji dan mudarat. Secara umum, justifikasi ini adalah selaras dengan apa yang disebutkan dalam kitab-kitab fiqah dalam mazhab Syafi'e (Mohd Mahyeddin & Mohammad Najib, 2019). Dua jenis spesis yang tidak jelas maksudnya adalah *bakatah* dan *nisnas*.

Bagi kategori haiwan darat dan serangga, terdapat sebanyak 39 spesis. Daripada jumlah ini, 15 spesis berada dalam kategori haiwan haram, manakala 24 haiwan halal. Spesis burung adalah sebanyak 29 spesis, meliputi burung halal dan haram dimakan. Berdasarkan penelitian, terdapat beberapa haiwan yang menggunakan istilah Arab berserta terjemahan berdasarkan sifat fizikal haiwan berkenaan. Memandangkan tiada gambarajah yang diberikan dalam kitab *Matla' Badrain*, maka pengkaji telah membuat carian di Internet melalui laman sesawang *Google.com* dan *Animal Diversity Web* berdasarkan istilah yang disebut oleh penulis kitab. Carian internet adalah bagi mengenal pasti nama setiap spesis dari sudut nama saintifik, *common name* dalam Bahasa Inggeris dan nama dalam Bahasa Melayu. Maklumat carian seterusnya disusun dalam bentuk jadual yang dibahagikan mengikut kolum istilah dan terjemahan asal kitab, status, penamaan zoologi dan gambarajah. Dapatan ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Gambarajah Haiwan Istilah Arab Dengan Terjemahan

| Istilah dan terjemahan asal kitab | Status | Penamaan zoologi | Gambarajah |
|---|--------|---|---|
| <i>Dhab</i> (haiwan yang makruf di tanah Arab seperti kelakuan biawak bagi jantannya dua zakar dan bagi yang betinanya dua faraj) | halal | <i>Uromastyx aegyptia</i> (<i>Egyptian spiny-tailed lizard</i>) (Biawak padang pasir) |  |
| <i>Wabar</i> (binatang kecil daripada kucing warnanya seperti warna limpa sangat pendek ekornya) | halal | <i>Procavia capensis</i> (<i>Rock hyrax</i>) (Hiraks Batu) |  |
| <i>Ibn Irsin</i> (Satu bagi daripada tikus berhampir rupanya dengan tupai, bersangatan busuk baunya, banyak ia pada tepi-tepi masjid Azhar di Mesir, mengalah ia akan kucing) | halal | <i>Mustela</i> (<i>Weasels</i>) (Cerpelai) |  |
| <i>Ummu jabin</i> (Binatang yang menyerupai dengan dhab) | halal | Tidak ditemui |  |
| <i>Sammur</i> (binatang menyerupai dengan sinnaur) | halal | <i>Martes zibellina</i> (<i>Beaver</i>) (Memerang) |  |






| | | | |
|--|--------------|--|---|
| <p><i>Fanak</i> (binatang kulitnya dibuat baju kawas halusnya dan lembutnya)</p> | <p>halal</p> | <p><i>Vulpes zerda</i> (<i>Fennec fox</i>) (Rubah fanak)</p> |  |
| <p><i>Qaqum</i> (haiwan yang menyerupai dengan <i>sinjab</i> kulitnya dibuat baju)</p> | <p>halal</p> | <p><i>Mustela erminea</i> (<i>Stoat</i>) (Cerpelai)</p> |  |
| <p><i>Ni'amah</i> (Burung Kaswari)</p> | <p>halal</p> | <p><i>Casuaris</i> (<i>Cassowaries</i>) (Burung Kaswari)</p> |  |
| <p><i>Hawasil</i> (angsa)</p> | <p>halal</p> | <p><i>Anser</i> (<i>Geese</i>) (Angsa)</p> |  |
| <p><i>Hawasil</i> (Belibis)</p> | <p>halal</p> | <p><i>Dendrocygna javanica</i> (<i>Lesser Whistling Duck</i>) (Itik Belibis)</p> |  |
| <p><i>Hamam</i> (spesis tekukur)</p> | <p>halal</p> | <p><i>S. c. tigrina</i> (<i>Spotted Dove</i>) (Tekukur)</p> |  |







| | | | |
|--|-------|---|---|
| Hamam (spesis ketitiran) | halal | <i>Geopelia striata</i> (The zebra dove) (Merbuk balam/ ketitiran) |  |
| Laqlaq (burung yang kadar besar angsa panjang lehernya makan ia akan ular) | haram | <i>Leptoptilos javanicus</i> (Lesser adjutant) (Burung botak) |  |
| Baghatah (burung putih kecil sedikit daripada rakhamah lambat terbangnya) | haram | <i>Cathartes aura</i> (White Turkey Vulture) (Burung hering putih) |  |
| Qunfuz (Landak kecil) | halal | <i>Erinaceinae</i> (Hedgehogs) (Landak kecil) |  |
| Duldul (landak besar) | halal | <i>Hystrix cristata</i> (Crested porcupine) (Landak besar) |  |
| Al-ghadaf al-kabir (gagak bukit). | haram | <i>Corvus corax</i> (Common raven) (Gagak bukit) |  |





(Sumber Gambar: freepik.com)

Selain itu, penulis turut menyebut sebanyak 16 istilah haiwan dalam bahasa Arab tanpa terjemahan. Dalam konteks ini, istilah tersebut cuba dipadankan dengan gambarajah dan istilah moden menerusi carian di enjin carian Google, dan dinyatakan dalam Jadual 4:

Jadual 4. Gambarajah Haiwan Dalam Istilah Arab Tanpa Terjemahan

| Istilah asal | Status | Istilah zoologi | Gambarajah |
|---|--------|--|---|
| يربوع (<i>yarbuk</i>) | Halal | <i>Jaculus jaculus</i> (Lesser jerboa) (Tikus kecil Afrika) |  |
| سنجاب (<i>sinjab</i>) | Halal | <i>Sciuridae</i> (Squirrels) (Tupai) |  |
| سِنَّور (<i>sinnaur</i>) | Halal | <i>Prionailurus rubiginosus</i> (spesis kucing) |  |
| زاع (<i>za'</i>) | Halal | <i>Corvus bennetti</i> (Little crow) (Gagak padi) |  |
| الغُذاف الصغِير (<i>al-ghudaf as-saghir</i>) (iaitu yang hitam atau kelabu warnanya) | Halal | <i>Corvus mellori</i> (Little raven) (Gagak kecil) (الغراب الصغِير- carian) |  |
| أبَقَع (<i>abqa'</i>) | Haram | <i>Strepera graculina</i> (Pied currawong) (Burung passerine hitam) |  |

| | | | |
|--------------------------|-------|--|---|
| عقّاق (aq'aaq) | Haram | <i>Pica serica</i> (Oriental magpie) (Murai Oriental) |  |
| حمام (hamam) | Halal | <i>Columbidae</i> (Bird family consisting of doves and pigeons) (Keluarga merpati dan punai) |  |
| قطا (qata) | Halal | <i>Pterocles</i> (Pin-tailed sandgrouse) |  |
| حجل (hajal) | Halal | <i>Alectoris chukar</i> (Chukar partridge) (Burung chukar) |  |
| عندليب (andalib) | Halal | <i>Luscinia megarhynchos</i> (Common nightingale) (Burung bulbul) |  |
| هزار صعوه (hizar sa'wah) | Halal | <i>Motacilla flava</i> (Yellow wagtail) (Burung pipit kuning) |  |

| | | | |
|---------------------------------|-------|--|---|
| بلبل (<i>bulbul</i>) | Halal | <i>Pycnonotidae</i> (<i>Bulbuls</i>) (Burung bulbul) |  |
| حمار أهلي (<i>himar ahli</i>) | Haram | <i>Equus africanus asinus</i> (<i>Donkey</i>) (Keldai) |  |
| رخمة (<i>rakhamah</i>) | Haram | <i>Neophron percnopterus</i> (<i>Egyptian vulture</i>) (Burung hering) |  |
| خَطَّاف (<i>khattaf</i>) | Haram | <i>Hirundo rustica</i> (<i>Barn Swallow</i>) (Burung layang-layang) |  |

(Sumber Gambar: freepik.com)

Kategori ketiga adalah haiwan kacukan antara haiwan halal dan haram, dan kesemuanya ini berada dalam kategori haram. Contohnya seperti kacukan antara anjing dan kambing, serta antara kuda dan himar ahli (keldai). Zirafah juga termasuk dalam kategori ini disebabkan dikatakan berlaku kacukan antara tujuh jenis haiwan.

Berpandukan pembahagian kategori haiwan di atas, Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani turut menyatakan justifikasi pengharaman sesetengah haiwan. Justifikasi dan sumber pendalilan dirumuskan seperti Jadual 5 berikut:

Jadual 5. Justifikasi Penetapan Hukum Haiwan Dalam Kitab Matla' al-Badrain

| Bil | Justifikasi kitab | Sumber pendalilan |
|-----|--|--|
| 1. | Hidup pada dua negeri (laut dan darat) | وما يعيش في بر وبحر كضفدع وسرطان وحية حرام Ijtihad mazhab Shafie (Imam Nawawi: <i>Kitab Minhaj Talibin</i>) |
| 2. | Binatang yang mempunyai racun | «لا ضَرَرٌ ولا ضِرَارٌ» Hadith Ibn Majah (sahih) |
| 3. | Keji dan mudarat | (ويُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ) Al-Quran. Al-A'raff 7:157 |
| 4. | Mempunyai taring yang kuat | (أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ أَكْلِ كُلِّ |
| 5. | Burung yang menyambar dan mencabut makanan dengan kaki | ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ، وَعَنْ كُلِّ ذِي مَخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ) Hadith Bukhari & Muslim (sahih) |
| 6. | Keji makanan keduanya iaitu makan bangkai | (نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ لَبَنِ شَاةِ الْجَلَالَةِ) Hadith at-Tirmizi (hasan sahih) |
| 7. | Segala binatang yang melata pada bumi kerana keji daging sekaliannya | (ويُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ) Al-Quran. Al-A'raff 7:157 |
| 8. | Haiwan yang sunat dibunuhkannya | (خَمْسٌ مِنَ الدَّوَابِّ كُلُّهُنَّ فَاسِقٌ، يُقْتَلْنَ فِي الْحَرَمِ: الْعُرَابُ، وَالْجِدَاةُ، وَالْعَقْرَبُ، وَالْفَأْرَةُ، وَالْكَلْبُ الْعَشُورُ) Hadith Bukhari (sahih) |
| 9. | Binatang yang buas dan menerkam | (أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ أَكْلِ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ، وَعَنْ كُلِّ ذِي مَخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ) Hadith Bukhari & Muslim (sahih) |
| 10. | Binatang yang ditegakkan daripada membunuhnya | (لِنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ قَتْلِ أَرْبَعٍ مِنَ الدَّوَابِّ: النَّمْلَةِ، وَالنَّحْلَةِ، وَالْهَدَّهِدِ، وَالصَّرَدِ) Hadith Ibn Majah & Abu Daud (sahih) |
| 11. | Dighalibkan tahrirnya | (ذَبَحْنَا يَوْمَ خَيْرِ الْخَيْلِ، وَالْبِغَالَ وَالْحَمِيرَ، فَتَبَّأْنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْبِغَالِ وَالْحَمِيرِ، وَلَمْ يَنْهَنَا عَنِ الْخَيْلِ) Hadith Abu Daud (sahih) (Qiyas kepada hukum <i>bighal</i>) |

Justeru, dapat disimpulkan di sini bahawa justifikasi pengelasan haiwan ini adalah selaras dengan pandangan ulama mazhab Shafi'e. Hal ini kerana isi kandungan kitab tersebut dihimpunkan daripada beberapa buah kitab fiqh bahasa Arab di dalam mazhab Syafi'e, serta diterjemahkan kepada bahasa Melayu (Ismail Alee & Asman Taeli, 2010). Antara kitab penulisan mazhab Shafi'e muktabar yang dirujuk adalah seperti *Minhaj al-Talibin* oleh Imam al-Nawawi (w. 676H/ 1277M), *Tuhfah al-Muhtaj* oleh Ibn Hajar al-Haytami (w. 973 H/ 1565M), *Nihayah al-Muhtaj* oleh Syams al-Din al-Ramli (w. 1004 H/1595M), dan *Mughni al-Muhtaj* oleh Khatib al-Syarbini (w. 977 H/ 1569 M) (Ramli,

Jamaluddin, Rosele, & Sidik, 2016).

5. KESIMPULAN

Sumbangan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani amat besar dalam dunia ilmiah. Menerusi kitab *Matla' al-Badrain*, ternyata telah membantu para pelajar di Malaysia dan Asia Tenggara seperti selatan Thailand, Singapura dan Brunei untuk memahami ilmu fiqah dengan lebih baik. Pengkategorian haiwan halal haram telah sedikit sebanyak membantu masyarakat untuk memahami secara lebih baik istilah-istilah haiwan yang terdapat dalam karya-karya ulama tanah Arab. Bagaimanapun, masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan khususnya dalam mencari definisi yang lebih tepat dan sesuai. Antara inisiatif yang boleh dicadangkan ialah mengaitkan setiap definisi haiwan tersebut dengan istilah tempatan supaya lebih difahami oleh masyarakat. Selain itu, setiap istilah haiwan juga boleh dipindahkan dalam bentuk glosari haiwan yang sistematik.

6. PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian di bawah tajuk “Pembinaan Glosari Baharu Istilah Haiwan Halal Haram Berasaskan Karya Ulama Alam Melayu Melalui Pendekatan Analisis Tekstual Dan Zoologi” yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM USIM di bawah kod penyelidikan: (PPPI/FSU/0122/USIM/15622).

7. RUJUKAN

- Abu Daud, Sulayman bin al-Ash'ath bin Ishaq al-Sijistani. (2009). *Sunan Abi Daud*. 4 vols. Ed: Muhammad Muhyiddin Abd al-Hamid. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2001). *Sahih al-Bukhari*. 9 vols. Ed: Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir. Dar Turuq al-Najah.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Syaraf. (2005). *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin fi al-Fiqh*. Dar al-Fikr
- Al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah. (1998). *Sunan al-Tirmizi*. 6 vols. Ed: Basshar 'Awad Ma'ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Animal Diversity Web (2023). *Corvus frugilegus*rook. Diakses dari: <https://animaldiversity.org/accounts/>
- Habib Ahmad. (12 Mac 2009). Kitab: Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain. Diakses daripada <https://pondokhabib.wordpress.com/2009/03/12/kitab-matla%E2%80%99-al-badrain-wa-majma%E2%80%99-al-bahrain/> pada 25 Ogos 2022.
- Ibn Majah, Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwayni. (2009). *Sunan Ibn Majah*. 5 vols. Ed: Shuaib al-Arna'uth. Dar al-Risalah al-'Ilmiyyah.
- Ismail Alee & Asman Taeali (2010). *Peranan Ulama Patani Dalam Ilmu Fiqah: Kajian Khusus Terhadap Kitab "Matla' Al-Badrain" Bagi Syeikh Nikmat Kecil Al-Fatani*. Persidangan Serantau Pengajian Arab dan Tamadun Islam di Kepulauan Melayu. Bandar Seri Begawan: Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Diakses dari: <http://e-ilami.unissa.edu.bn:8080/jspui/handle/123456789/1479>
- Jamalluddin Hashim, Abdul Karim Ali, Hasanulddin Mohd. (2014). Analisis pengaruh Unsur Fiqh Tempatan Dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, (7).
- Malik, M. P. A., Abdul Hamid, F.A.F., & Abd Rahim, R. A. (2020). Analisa Perkembangan Dan Kearifan Tempatan: Karya Fiqh Melayu Klasik. *Jurnal Fiqh*, 17(1), 89-134.

- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research: a guide to design and implementation*. US: Jossey-Bass Publishers.
- Mohammad Fadhli bin Abdul Ghafar (2012). *The approach of Sheikh Mohammad bin Ismail Al-Fatani Ash-Shafi'e in Islamic jurisprudence: a study into corporation contracts in his book" Matla' al-Badrayn Wa al-majma' al-Bahrayn"*. Doctoral dissertation, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Diakses dari: <http://e-ilami.unissa.edu.bn:8080/jspui/handle/123456789/1223>
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh & Mohammad Najib Jaffar (2019). *Haram Haram Haiwan Menurut Islam dan Fatwanya di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Mohd Puaad Bin Abdul Malik, Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid & Rahimin Affandi Abd. Rahim. (2019). Pengkategorian Item Penulisan Dalam Karya Fiqh Melayu Klasik: Analisa Awal. *Journal al-Muqaddimah*, vol. 7 (1), 55-76.
- Muhammad bin Ismail Daud Fathani. 1984. *Matla' al-badrayn wa majma' al-Bahrayn*. Pulau Pinang : Maktabah al-Ma'arif.
- Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi. (t.th). *Al-Musnad al-Sahih (Sahih Muslim)*. 5 vols. Ed: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ramli, M. A., Jamaluddin, M. A., Rosele, M. I., & Sidik, M. A. (2016). Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Pembinaan Kearifan Tempatan Di Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 27(1), 180-198.
- Samsudin, M. A., Yahaya, M. Z., & Ab Rahman, H. (2010). Metod Penulisan Kitab Matla' Al-Bahrayn Wa Majma' Al-Bahrayn. *Jurnal Melayu*, 5, 147-161.
- Van Bruinessen, M. (1990), "Kitab Kuning; Books in Arabic Script Used in the Pesantren Milieu; Comments on a New Collection in the KITLV Library", dalam *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 146, no: 2/3. Leiden

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.